

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN OLEH PBT**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila kemukakan butiran terperinci Prestasi Kutipan Cukai Taksiran di semua PBT sehingga September 2017.
  - b) Apakah faktor-faktor yang dikenalpasti menjelaskan prestasi kutipan cukai tersebut?
  - c) Sila nyatakan apakah insentif dan kaedah yang dilakukan bagi melonjakkan prestasi kutipan cukai tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi memastikan perkhidmatan PBT di tahap yang optimum, Kerajaan Negeri telah mengariskan sasaran tahunan yang perlu dikutip oleh setiap PBT iaitu sebanyak 90% bagi Cukai Taksiran Semasa dan 70% bagi Tuggakan Cukai Taksiran.

Kutipan cukai taksiran semasa dan kutipan tunggakan cukai taksiran dari Januari sehingga 30 September 2017 mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Kutipan Cukai Taksiran Semasa RM	Prestasi Kutipan	Kutipan Tuggakan Cukai Taksiran RM	Prestasi Kutipan
MBSA	245,555,673.47	87.49	18,458,904.84	45.56
MBPJ	194,432,102.00	84.90	24,192,710.00	127.33
MPK	142,613,347.11	93.27	22,947,687.52	53.20
MPAJ	71,075,746.81	69.89	4,011,132.35	37.98
MPSJ	156,652,209.28	83.71	27,492,386.01	78.55
MPS	77,268,328.87	76.74	5,405,202.54	60.19
MPKj	72,583,669.68	69.89	10,989,649.68	83.50

PBT	Kutipan Cukai Taksiran Semasa RM	Prestasi Kutipan	Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran RM	Prestasi Kutipan
MPSp	85,722,205.00	96.32	10,042,168.00	83.94
MDKL	23,308,996.00	81.50	4,387,611.00	125.36
MDHS	37,752,902.36	87.80	9,845,129.16	49.23
MDKS	19,472,883.41	81.14	4,592,452.40	57.41
MDSB	4,851,470.51	47.16	391,108.89	32.14
<b>JUMLAH</b>	<b>1,131,289,534.50</b>	<b>83.74 %</b>	<b>142,756,142.39</b>	<b>66.66%</b>

\*Sumber: Laporan Bulanan Yang Dihantar Oleh PBT Ke UPEN

- b) Faktor kenaikan kos sara hidup serta pengenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) menjelaskan keupayaan berbelanja di kalangan rakyat, sekali gus rakyat lebih memilih keutamaan dalam berbelanja. Namun begitu sikap bertanggungjawab rakyat Negeri Selangor harus diberi pujian. Walaupun di dalam kesempitan, rakyat Selangor masih lagi membayar cukai taksiran. Ini dibuktikan melalui prestasi kutipan hasil cukai taksiran semasa dan tunggakan bagi keseluruhan PBT Negeri Selangor adalah baik. Sehingga 30 September 2017, kutipan cukai taksiran semasa telah mencapai 83.74% manakala kutipan tunggakan pulak mencapai 66.66% berbanding sasaran. Kerajaan Negeri yakin kutipan secara keseluruhan bagi tahun 2017 akan meningkat berikutnya masih terdapat tiga (3) bulan lagi sebelum tahun berakhir.
  
- c) Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor. Pelbagai insentif dan kaedah diberikan kepada pembayar cukai oleh PBT antaranya:
  - 1. Memberi hadiah seperti payung sebagai tanda penghargaan dari PBT bagi pembayar cukai yang membayar awal.
  - 2. Mewujudkan ‘Task Force’ di setiap PBT bagi mengutip tunggakan cukai taksiran.
  - 3. Kemudahan bayaran secara atas talian serta melalui mesin kiosk yang diletakkan di tempat tumpuan awam.
  - 4. Menawarkan kemudahan ansuran serta perbincangan dengan pemilik akaun tegar bagi menyelesaikan masalah tunggakan.
  - 5. Mengadakan mesyuarat berkala di peringkat PBT bagi membincangkan isu tunggakan serta cara mengatasinya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : HUTAN DI NEGERI SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan secara terperinci aktiviti pencerobohan hutan di Negeri Selangor.
  - Sila nyatakan apakah tindakan yang diambil bagi membendung aktiviti pencerobohan hutan?
  - Sila senaraikan butiran penceroboh-penceroboh yang ditangkap dan didakwa di Mahkamah sejak 3 tahun yang lepas.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2017, sejumlah 14 kes pencerobohan Hutan Simpanan Kekal telah dikesan berlaku di Negeri Selangor. Kes ini melibatkan sembilan (9) kawasan Hutan Simpanan Kekal diantaranya Hutan Simpan Hulu Gombak, HS Bukit Cherakah, HS Bukit Lagong, HS Hulu Gombak Tambahan 1, HS Rantau Panjang, HS Gading, HS Kuala Langat Selatan, HS Bukit Sg. Puteh dan HS Ayer Hitam. Hasil daripada analisa pihak jabatan, di antara punca-punca pencerobohan hutan adalah bagi tujuan pertanian, pembuangan sampah dan aktiviti rekreasi. Jumlah keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang diceroboh adalah 1.38 hektar. Maklumat terperinci adalah seperti di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Maklumat terperinci mengenai aktiviti pencerobohan di Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor.

Bil.	Hutan Simpan	Aktiviti	Kompt./ Blok	Luas (ha)
1.	HS Bukit Lagong	Mengusaha tanaman halia di dalam hutan simpan.	Kompt. 19	0.20
2.	HS Hulu Gombak Tambahan 1	Melakukan aktiviti <i>hiking</i> di dalam HSK tanpa kbenaran	-	-
3.	HS Bukit Cherakah	Penolakan tanah di kawasan sempadan antara HSK dan tanah berimilik.	Kompt. 14	0.03
4.	HS Rantau Panjang	Pembuangan sampah di dalam HSK	Kompt. 33	-

Bil.	Hutan Simpan	Aktiviti	Kompt./ Blok	Luas (ha)
5.	HS Bukit Cherakah	Penolakan tanah di kawasan sempadan antara HSK dan tanah berimilik.	Kompt. 14	0.15
6.	HS Gading	Penolakan tanah di kawasan sempadan antara HSK dan tanah berimilik.	Kompt. 45	0.25
7.	HS Hulu Gombak Tambahan 1	Melakukan aktiviti <i>hiking</i> di dalam HSK tanpa kbenaran	-	-
8.	HS Hulu Gombak Tambahan 1	Melakukan aktiviti <i>hiking</i> di dalam HSK tanpa kbenaran	-	-
9.	HS Kuala Langat Selatan	Membawa kenderaan bermotor di dalam HSK	Kompt. 8, 54 & 55	-
10.	HS Ayer Hitam	Melakukan pembakaran di dalam kawasan HSK	-	0.75
11.	HS Hulu Gombak	Pembuangan sampah di dalam HSK	Kompt. 29	-
12.	HS Hulu Gombak	Pembuangan sampah di dalam HSK	Kompt. 29	-
13.	HS Bukit Sg. Puteh	Pembuangan sampah di dalam HSK	-	-
14.	HS Hulu Gombak	Pembuangan sampah di dalam HSK	Kompt. 29	-
	<b>Jumlah Luas Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Diceroboh</b>			<b>1.38</b>

b) Tindakan yang telah diambil oleh JPNS bagi membendung aktiviti pencerobohan hutan adalah dengan kaedah pemantuan, kawalan dan penguatkuasaan hutan yang dijalankan secara berterusan sepanjang tahun. Kerajaan Negeri melalui JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau pihak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK yang mana pihak berkenaan akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor. Di antara kaedah pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan hutan yang dijalankan adalah seperti berikut:-

i. Rondaan Berkala

Jabatan Perhutanan menjalankan rondaan secara berkala di sepanjang sempadan di luar dan dalam Hutan Simpanan Kekal. Tumpuan khusus

juga diberikan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan penempatan dan aktiviti orang awam. Sehingga September 2017, sebanyak 925 rondaan dan pemantauan penguatkuasaan telah dijalankan oleh Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan tiga (3) Pejabat Hutan Daerah di Negeri Selangor.

ii. **Pemantauan Udara**

JPNS juga menjalankan pemantauan udara untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang berkemungkinan berlaku pencerobohan hutan (hot spots).

iii. **Pemantauan melalui imej satelit**

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPPSM) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan sistem yang dikenali sebagai '*Forest Monitoring Using Remote Sensing*' (FMRS). Dalam sistem ini, pemantauan kawasan 'hot-spots' dan sebarang kes dikesan melalui perubahan imej satelit. Sistem ini berfungsi untuk memantau aktiviti hutan secara makro dan mikro secara cepat dan efisien dengan menggunakan imej satelit beresolusi tinggi dan terkini. Sistem ini membolehkan pihak jabatan memantau perubahan yang berlaku terhadap hutan simpan seperti pembukaan kawasan hutan dan sebagainya.

iv. **Program Kesedaran**

Jabatan Perhutanan juga melaksanakan sesi penerangan dengan memberi input mengenai elemen-elemen kesalahan hutan dari masa ke semasa mengikut program yang telah ditetapkan. Penglibatan secara aktif diperolehi daripada masyarakat di sekitar Hutan Simpanan Kekal. Penubuhan Persatuan Pertubuhan Sahabat Hutan Paya Gambut Selangor Utara (SHGHU) adalah merupakan salah satu manifestasi kepada kejayaan program ini. Pada tahun-tahun akan datang, JPNS juga bercadang akan menubuhkan beberapa persatuan yang berkaitan dengan bidang perhutanan.

v. **Penghadang/ 'boom-gate'**

Membina Penghadang/ 'boom-gate' di jalan-jalan masuk ke kawasan-kawasan yang sensitif dan terdedah kepada pencerobohan. Kawasan ini juga sering dibuat pemantauan dari semasa ke semasa.

vi. **Aktiviti Penguatkuasaan**

Jabatan juga mengambil tindakan penguatkuasaan dengan memusnahkan tanaman-tanaman serta menjalankan program tanaman semula dengan menanam spesies-spesies pokok hutan dengan menggunakan peruntukan tahun semasa. Bagi kawasan-kawasan yang

baru dikesan, pihak JPNS akan mengeluarkan notis terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil.

vii. Alat Kawalan Jauh Drone

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor turut tidak ketinggalan mengaplikasikan teknologi di dalam aspek penguatkuasaan hutan dengan penggunaan alat kawalan jauh *Drone* untuk menjalankan pemantauan di dalam Hutan Simpanan Kekal.

viii. Aduan Awam

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kerap menerima maklumat daripada pelbagai sumber termasuklah media sosial seperti *facebook*, e-mel, telefon, surat dan lain-lain lagi bagi membantu pihak jabatan untuk membuat pengesahan awal aktiviti pencerobohan hutan.

ix. Operasi Bersepadu

Selain itu, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga turut bekerjasama (*National Blue Ocean Strategy*) dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta memperoleh maklumat dari penduduk tempatan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya berlaku pencerobohan di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah kerajaan. Semasa operasi dijalankan, pihak JPNS juga telah dapat memberkas dan menahan pihak yang melakukan kesalahan hutan serta mengambil tindakan undang-undang di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

x. Papan Tanda HSK

Memasang papan tanda larangan memasuki HSK di semua kawasan HSK terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko dan pernah diceroboh dan kawasan-kawasan yang bersempadan dengan perumahan/ penempatan.

xi. Ukur Halus Sempadan HSK

Melaksanakan kerja-kerja penandaan sempadan HSK (ukur halus) bagi penentusan sempadan luar HSK dengan tanah berimilik dan tanah kerajaan. Projek ini dapat membantu pihak JPNS untuk mengenalpasti secara lebih cepat dan tepat mengenai status kawasan hutan diceroboh atau aktiviti yang berhampiran dengan HSK terutama sekali di kawasan yang bersempadan dengan tanah bermilik / kerajaan dan penempatan.

- c) Daripada tahun 2014 hingga 2016, sejumlah 56 kes pencerobohan kawasan Hutan Simpanan Kekal berjaya dikesan berlaku di Negeri Selangor. Sejumlah 48 kes telah diselesaikan dengan cara kompaun, satu (1) kes dituduh di

Mahkamah Majistret Shah Alam, empat (4) kes tiada tindakan diambil atau ‘No further action’ (NFA) dan tiga (3) kes masih dalam siasatan. Jadual II dan III adalah maklumat tambahan mengenai tarikh tangkapan dan perbicaraan, orang kena tuduh (OKT), jenis kesalahan, denda dan maklumat lengkap OKT dalam masa 3 tahun (2014 – 2016).

Jadual II : Maklumat tambahan mengenai tarikh tangkapan, lokasi, OKT, jenis kesalahan dan denda yang dikenakan.

Bil	Tarikh tangkapan	Lokasi	OKT	Kesalahan	Mahkamah	Keputusan
1.	18 September 2015	Kompt. 14 Hutan Simpan Bukit Cherakah	1. Jamaludin 2. Ahmad Fadil 3. Azhar b. Sabidin 4. Kamarul Baharin b. Kamaruddin 5. Mohd Sa'at b. Wahid	Seksyen 81 (1) (b) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 iaitu : Kesalahan bagi aktiviti menebang, memotong, menggelang, menanda, memangkas atau menoreh mana-mana pokok ; atau merosakkan dengan api, atau selainnya, atau memindahkan mana-mana pokok atau kayu;	1. Mahkamah : Mahkamah Majistret Shah Alam 2. Tarikh : 06 Oktober 2015	1.Denda: RM21,000 dan hasil hutan dilucutah kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. 2.Jentera: Lori dikembalikan kepada pemilik.

Jadual III : Senarai butiran penceroboh-penceroboh yang ditangkap dan didakwa di Mahkamah sejak 3 tahun yang lepas?

Bil.	Nama	Warganegara	Umur	No. I/C / Passport	Alamat
1.	Jamaluddin	Indonesia	41 tahun	B 1851109	No. 71, Jalan Kesuma 7/1, Bandar Tasik Kesuma, 43700 Beranang, Selangor.
2.	Ahmad Fadil	Indonesia	35 tahun	A 4680342	No. 3144, Jalan Rajawali, Kampung Bukit Kuching, 45800 Jeram, Selangor.

Bil.	Nama	Warganegara	Umur	No. I/C / Passport	Alamat
3.	Kamarul Bahrin b. Kamarudin	Malaysia	39 tahun	770114-10-5197	No. 3144, Jalan Rajawali, Kampung Bukit Kuching, 45800 Jeram, Selangor.
4.	Mohd. Sa'at b. Wahid	Malaysia	49 tahun	660714-10-6071	No. 29, Taman Meru Jaya, Batu 53/4 Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor.
5.	Azhar b. Sabidin	Malaysia	46 tahun	690409-10-6101	No. 24, Jalan Berkat, Kampung Bukit Cherakah Jaya, MK Bukit Rajah Daerah Petaling, 41050 Klang, Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : KUMPULAN SEMESTA S/B (KSSB)**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan secara terperinci kedudukan kewangan KSSB.
  - Sila nyatakan berapakah jumlah CSR yang disalurkan sepanjang tahun 2016 dan 2017?
  - Sila senaraikan nama Ahli Lembaga Pengarah dan semua kemudahan serta elaun yang diterima tahun 2016 dan 2017.

**JAWAPAN:**

- a) Kedudukan kewangan beraudit KSSB:-

Tahun	Pendapatan (RM'Juta)	Keuntungan Kasar (RM'Juta)	Keuntungan Operasi* (RM'Juta)
2016	82.8	13.8	4.5

- b) Jumlah CSR yang disalurkan sepanjang tahun 2016 dan 2017:-

Tahun	2016	2017 (sehingga Sept)
Jumlah CSR	654.2 ribu	256.9 ribu

- c) Senarai Ahli Lembaga Pengarah:-

Bil	Nama Ahli Lembaga Pengarah
1.	YB Dato' Noordin bin Sulaiman
2.	YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
3.	YBerusaha Tuan Cheong Seng Gee
4.	YBhg Dato' Ahmad bin Omar
5.	YBhg Dato' Azmie bin Diron
6.	YM Raja Shahreen bin Raja Othman
7.	YBerusaha Tuan Soffan Affendi bin Aminuddin

Merujuk kepada Sidang Dewan yang terdahulu, maklumat berkenaan penggajian dan emolumen tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Ianya adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor boleh memohon terus secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor atau kepada Setiausaha Dewan sekiranya memerlukan maklumat yang berkenaan. Jawapan hanya akan diberikan kepada Y.B Ahli Dewan yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa penerima maklumat mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta 709.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila senaraikan semua program Pembangunan Usahawan Negeri Selangor sejak 2014.
  - b) Sila senaraikan kesemua bantuan dan kemudahan yang disalurkan kepada usahawan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
  - c) Sila nyatakan apakah insentif dan kursus yang diberikan bagi mencungkil serta mendidik lebih ramai usahawan khususnya di kalangan anak muda?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Terdapat pelbagai program dan bantuan yang dijalankan sejak tahun 2014 oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan insentif berbentuk geran, program promosi dan latihan/ kursus untuk memperkasakan lagi usahawan di Negeri Selangor. Program-program yang dijalankan bagi membantu usahawan tempatan adalah seperti berikut:

i. **Dana Usahawan Mikro Selangor**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada industri mikro di mana ia ditakrifkan sebagai perniagaan dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00 dan mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja tetap. Fokus Pembangunan Usahawan adalah untuk memberi bantuan kepada pengusaha mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas yang memberi fokus untuk membantu usahawan-usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

- Skop Bantuan  
Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada

pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin/ peralatan/ perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/ perniagaan iaitu mengubahsuai/ menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahwan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

**ii. Promosi**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan *platform* promosi dengan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah Syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd yang menghasilkan produk kerepek seaweed jenama Teego semasa pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016. Syarikat ini telah memperolehi kontrak pembekalan ke 3 buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun. Pada PIHEC 2017 yang berlangsung pada 24 - 26 Februari 2017, Syarikat Dhuha Tensai Resources yang menjual makanan Korea telah mendapat tempahan daripada Singapura. Manakala syarikat Bio-Haruantech (M) Sdn. Bhd. di bawah label Rezza Brand yang menjual

pelbagai produk mi segera telah mendapat tempahan daripada Singapura, Brunei, Hong Kong, China dan Korea. Selain itu, pada MIHAS 2017 yang berlangsung pada 5 - 8 April 2017, Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan daripada Singapore, Vietnam, China dan kini sedang dalam perbincangan bersama syarikat daripada United Kingdom.

Pada tahun ini, buat pertama kali Kerajaan Negeri telah menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO) 2017* pada 12 hingga 15 September 2017 di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce*, P.R. China. Kerajaan Negeri Selangor telah menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) memandangkan badan ini berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan ekspot terhadap produk keluaran Malaysia. Seramai lima (5) usahawan yang mempunyai produk yang boleh dikembangkan ke pasaran luar telah dipilih mewakili Negeri Selangor. Pada pameran ini sekurang-kurang dua (2) hingga enam (6) syarikat daripada China telah menunjukkan minat terhadap produk usahawan Negeri Selangor. Pengajuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

**iii. Kursus/Latihan**

Kursus yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan di peringkat negeri adalah merangkumi latihan yang memberi fokus kepada pembangunan perniagaan, pengurusan kewangan, pemantapan produk dan strategi pemasaran. Pada tahun 2017, kursus berbentuk modul kewangan untuk peniaga mikro dan kecil dijalankan di 9 daerah di Negeri Selangor bagi mendapat capaian di peringkat akar umbi memandangkan kebanyakan permasalahan peniaga mikro adalah kegagalan untuk mengurus kewangan secara bijak dan teratur. Kursus ini memberi penekanan secara praktikal supaya usahawan mikro dapat membezakan dan mengasingkan kos dan keuntungan setiap transaksi jualan.

**iv. Program Pembungkusan Produk Made In Selangor**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Program kerjasama dengan SIRIM Berhad ini memberi peluang kepada peserta untuk mengikuti program yang telah direncana

khas bagi pembangunan pembungkusan produk. Peserta juga akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

v. **Pinjaman HIJRAH Selangor**

Agensi ini menawarkan pinjaman kepada usahawan di peringkat permulaan. Ia merangkumi tiga perkhidmatan dalam satu urusniaga yang meliputi pinjaman, tabungan dan pelaburan. Pinjaman ini menawarkan modal tambahan mengikut skim seperti berikut:

Bil	Skim	Jumlah pinjaman
1.	Skim 1	RM1,000.00 - RM5,000.00
2.	Skim 2	RM6,000.00 - RM10,000.00
3.	Skim 3	RM15,000.00 - RM20,000.00
4.	Skim 4	RM30,000.00 - RM50,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : CADANGAN PEMBINAAN PINTU KUNCI AIR PARIT 5 SEKINCHAN**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila nyatakan perkembangan terkini cadangan tersebut.
  - c) Sila nyatakan apakah halangan dan kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam usaha merialisasikan cadangan pembinaan pintu kunci air tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) dan c)

Untuk makluman, kajian dilaksanakan oleh perunding yang dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian dan tarikh siap adalah pada 31 Disember 2017. Pihak perunding telah mengemukakan cadangan beberapa rekabentuk dan lokasi bersesuaian bagi mengatasi masalah banjir kilat di sekitar kawasan tadahan tersebut dan memastikan kunci air yang akan dibina beroperasi dengan baik.

Halangan yang dihadapi adalah tiada maklumat mengenai pembinaan struktur pintu kawalan air yang tidak berfungsi dan dibina sekitar tahun 80an oleh Projek Barat Laut Selangor (IADA). Lain-lain halangan buat masa ini dapat diselesaikan bersama.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Kunci air parit 5 sediada dibina oleh IADA Barat Laut Selangor dan sehingga kini tiada penyerahan kepada JPS untuk pemantauan gate tersebut. Projek tersebut telah dibina sekitar tahun 1982-1983 oleh Agensi IADA Barat Laut Selangor. Pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) jenis roller aluminium gate tersebut dibina tujuan untuk mengalirkan air daripada sawah dan kawasan pekan sekinchan ke laut. selain itu, pintu air tersebut menggantikan pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) lama iaitu daripada jenis *screw down gate*. Punca Pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) jenis Aluminium Roller Gate tidak berfungsi adalah akibat daripada timbunan pasir laut dihadapan pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) yang terjadi akibat air laut pasang besar. Susulan itu, Pihak IADA Barat Laut telah membina sebuah pintu air TCG jenis *Screw Down Gate* di Parit 4 Sungai Burong bagi menampung pengeluaran kuantiti air dari kawasan Sekinchan termasuk pintu air TCG sediaada iaitu Parit 6 dan Parit 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEBAJIKAN ANAK PEKERJA LADANG DI SELANGOR**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila senaraikan statistik anak-anak pekerja ladang mengikut pecahan daerah.
  - b) Sila senaraikan bantuan dan kemudahan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada anak-anak pekerja ladang.
  - c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka panjang bagi meningkatkan taraf sosial ekonomi dan pendidikan golongan tersebut?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, Kerajaan Negeri Selangor setakat ini tidak mempunyai data khusus berhubung statistik anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor. Namun begitu, anak-anak pekerja ladang yang telah menerima bantuan di bawah program-program anjuran Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang sejak tahun 2008 adalah seramai 22,225 orang yang direkodkan.

Jumlah tersebut adalah merangkumi penganjuran beberapa buah program di bawah Portfolio Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang. Di bawah portfolio ini, sasaran utama ditumpukan bagi membantu anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor ke arah mendapatkan pendidikan yang sempurna dalam memajukan diri di masa hadapan.

Di antara program-program yang terdapat di bawah portfolio ini adalah seperti berikut :

- i. Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah  
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang yang layak mengikut kriteria permohonan bagi setiap tahun.
- ii. Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia  
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar yang layak mengikut kriteria permohonan bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak-anak kepada ibu bapa.

iii. Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)

Penyampaian wang adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak-anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung mengurangkan beban kos sara hidup kepada ibu bapa yang pekerja ladang.

iv. Program-program Motivasi Anak Pekerja Ladang (Program Ad-Hoc)

Dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi, pendidikan dan persediaan menghadapi UPSR di kalangan anak pekerja ladang di dalam menimba ilmu pendidikan di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Kerajaan Negeri juga senantiasa peka dan maklum akan keperluan anak-anak pekerja ladang khususnya yang menetap di Negeri Selangor. Kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dapat dilihat dengan penganjuran pelbagai program yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan dan memupuk kesedaran kepentingan pendidikan di kalangan anak-anak pekerja ladang selaras dengan keperluan semasa.

Salah satu perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap anak-anak pekerja ladang adalah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selasa dan kondusif. Dengan adanya persekitaran pembelajaran yang lengkap, secara tidak langsung dapat menarik minat anak-anak pekerja ladang untuk menimba ilmu pengetahuan. Komitmen Kerajaan Negeri berhubung perkara ini dapat dilihat dengan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Midlands. Melalui pelaksanaan projek tersebut, ia telah membantu anak-anak pekerja ladang untuk menerima pendidikan yang sempurna dengan kemudahan-kemudahan dan teknologi terkini melalui persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, selesa dan kondusif. Secara tidak langsung, dengan adanya kemudahan-kemudahan pembelajaran dan akses kepada maklumat pendidikan terkini, ia dapat mendorong dan memupuk minat anak-anak pekerja ladang untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk mencapai cita - cita.

Komitmen Kerajaan Negeri juga dapat dilihat dengan peruntukan RM4 juta setiap tahun daripada 2008 sehingga 2016 kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di seluruh Negeri Selangor berhubung infrastruktur sekolah yang diletakkan di bawah YB EXCO Pendidikan. Bagi tahun 2017, peruntukan ini telah dinaikkan kepada RM5 juta setahun

Secara tidak langsung, anak-anak pekerja ladang ini dapat memperluaskan bidang pekerjaan dan membantu keluarga meningkatkan taraf sosio-ekonomi dengan menggunakan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna dan

teratur telah mereka perolehi dan pelajari. Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor akan terus membantu dan menambahbaik program-program sedia ada yang memberi manfaat besar kepada anak-anak pekerja ladang sepetimana disebutkan di atas demi membantu mereka untuk mengurangkan kos sara hidup dan memastikan mereka terus berdaya saing dan maju pada masa-masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : ISU PEMBATALAN KONTRAK STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL  
WHB SEKSYEN 21 OLEH KPKT**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan kontrak tersebut dibatalkan?
  - b) Sila nyatakan apakah benar seperti dakwaan Menteri KPkt bahawa pihak WHB gagal menjalankan perkhidmatan dengan berkesan?
  - c) Sila nyatakan apakah pampasan dan gantirugi yang dibayar oleh KPkt?

**JAWAPAN:**

- a) Pada 10hb Mei 2016 pihak KPkt melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah mengeluarkan surat kelulusan kepada pihak WHB bagi pembaharuan kontrak selama dua (2) tahun untuk pengoperasian Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21.

Walau bagaimanapun, kelulusan yang telah diberikan tersebut telah dibatalkan oleh pihak KPkt pada 3hb Ogos 2016 tanpa menyatakan secara rasmi punca utama pembatalan kontrak tersebut.

Pihak WHB telah beberapa kali secara rasmi memohon penjelasan punca pembaharuan kontrak tersebut dibatalkan sehinggalah pada 16hb Mac 2017, pihak KPkt memaklumkan bahawa WHB telah gagal mematuhi klausa di dalam perjanjian yang memperuntukkan antara lainnya tanggungjawab WHB untuk mematuhi keperluan "Key Performance Index" (KPI) dengan merujuk kepada Appendix 6 perjanjian tersebut.

WHB dikatakan telah gagal untuk mengemukakan Laporan berkala iaitu dua belas (12) kali setahun seperti mana yang dinyatakan di bawah KPI No 1 di dalam Appendix 6 tersebut.

Sebagai makluman, pihak WHB tidak pernah gagal untuk mengemukakan Laporan Operasi berkala seperti yang ditetapkan oleh Appendix 6 perjanjian tersebut. Walaupun kontrak telah dibatalkan pada bulan Ogos 2016, pihak WHB tetap melaksanakan tanggungjawabnya dengan mengemukakan laporan-laporan operasi bulanan kepada KPkt.

Kali terakhir Laporan Operasi dikemukakan kepada KPKT adalah pada 17hb Oktober 2016 bagi laporan pengoperasian stesen berkenaan setakat bulan September 2016.

Alasan pembatalan kontrak yang diberikan oleh pihak KPKT merupakan 'afterthought' sebagai tindak balas kepada tindakan undang-undang yang diambil oleh WHB.

WHB juga tidak pernah menerima sebarang teguran bertulis daripada KPKT berhubung pematuhan KPI yang telah ditetapkan di sepanjang tempoh pengoperasian stesen tersebut.

- b) Pihak WHB telah menguruskan perkhidmatan di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 tersebut dengan sebaiknya selaras dengan ketetapan kontrak oleh pihak KPKT. Sekiranya pengurusan di stesen tersebut adalah tidak cekap dan tidak mematuhi kehendak-kehendak kontrak, sudah tentu pihak KPKT sejak dari awal lagi tidak akan memperbaharui kontrak WHB untuk tambahan tempoh selama dua tahun.

Pihak KPKT juga samada melalui JPSPN ataupun SWCorp sering mengadakan lawatan kerja ke stesen tersebut bagi meninjau sebarang permasalahan atau pun isu lain yang timbul. Sehingga surat pembatalan penyambungan kontrak dikeluarkan, WHB tidak pernah menerima sebarang aduan secara lisan mahupun bertulis berhubung masalah atau isu berkaitan pengoperasian.

- c) Pihak WHB tidak menerima sebarang pampasan dan ganti rugi yang dibayar oleh KPKT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : JALAN BENDANG DI SEKINCHAN**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila senaraikan butiran jalan-jalan bendang yang dinaiktaraf sepanjang tahun 2017.
  - b) Kenapa masih terdapat banyak aduan daripada pesawah yang mendakwa bahawa jalan-jalan bendang lambat dibaik pulih ?
  - c) Berapakah peruntukan yang diluluskan tahun 2017 untuk menambahbaik jalan-jalan bendang di Sekinchan?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Untuk makluman, jalan-jalan ladang di kawasan sawah Sekinchan dinaiktaraf dan diselenggara oleh Projek Barat Laut (IADA). Kerjasama ini telah dibincangkan dan dipersetujui bersama semasa di dalam Mesyuarat Penyelaras Projek Infrastruktur antara JPS Daerah Kuala Selangor dan JPS Sabak Bernam dengan Projek Barat Laut (IADA) pada Januari 2015 dan keputusan tersebut berkuatkuasa sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROGRAM KAWALAN KESELAMATAN KAMPUNG**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan apakah matlamat utama program tersebut dilaksanakan?
  - Sila perjelaskan apakah usaha ini membuktikan kegagalan pihak PDRM mengawal keselamatan kampung dengan berkesan ?
  - Sila nyatakan berapakah insentif dan bayaran yang diberikan kepada JKKK yang terlibat dalam menjayakan program tersebut ?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk kampung di Negeri Selangor. Sehubungan itu, pada tahun ini Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Program Ikatan Desa di Kampung Tradisi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3,680,000.00. Objektif utama Ikatan Desa di peringkat kampung ini adalah bagi membantu pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan luar bandar di Selangor. Di samping itu, penubuhan Ikatan Desa ini akan meningkatkan hubungan kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk kampung sendiri.

Namun begitu, adalah menjadi peranan ahli-ahli JKKK sendiri di dalam menjaga keselamatan kampung supaya kehidupan masyarakat kampung diperkuatkan. Dengan wujudnya Pasukan Ikatan Desa di peringkat kampung tradisi, keselamatan dan kesejahteraan kampung telah dapat dipertingkatkan.

Untuk makluman, Pasukan Ikatan Desa ini tidak diberikan elauan atau bayaran khas. Sebaliknya ia adalah merupakan penglibatan secara sukarela dan merupakan satu cara untuk memupuk semangat kerjasama dan kepunyaan terhadap kampung masing-masing. Walau bagaimanapun, setiap ahli diberikan kursus dan latihan keselamatan serta insurans akan turut dicarumkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjaga kebijakan ahli pasukan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEJAYAAN ATLET SUKAN SEA 2017 NEGERI SELANGOR**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila senaraikan kesemua atlet Sukan Sea yang memenangi pingat dan berasal dari Selangor.
  - Sila nyatakan apakah insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pemenang-pemenang pingat?
  - Apakah perancangan jangka panjang bagi melahirkan lebih ramai atlet cemerlang dari Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Seramai 85 orang atlet yang berasal dari Selangor. Selebihnya adalah bukan lahir di Selangor tetapi telah mengikuti program pembangunan sukan di Selangor di bawah persatuan sukan negeri. Berikut adalah senarai atlet-atlet Selangor yang telah menyertai dan memenangi pingat di Sukan Sea KL 2017 baru-baru ini:-

Bil	Nama	Sukan
1	Shalin Bt Zulkifili	<b>TENPIN BOWLING</b>
2	Liew Kien Liang	
3	Siti Safiyah Amirah Bt Abdul Rahman	
4	Natasha Bt Mohamed Roslan	
5	Amy Kwan Dict Weng	<b>GIMRAMA</b>
6	Tee Wei Qi	
7	Tee Wei Wen	
8	Amira Sofiya Binti Amirul Fares	
9	Farah Ann Bt Abdul Hadi	<b>GIMNASTIK ARTISTIK</b>
10	Tan Fu Jie	
11	Nur Azira Bt Aziri	
12	Nur Eli Ellina Bt Azmi	
13	Chau Jern Rong	<b>LUNCUR AIS</b>
14	Mohamad Hazim Syahmi Bin Shahrum	
15	Chew Kai Xiang	

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Sukan</b>
16	Khairil Ridhwan Bin Khalil	
17	Wong De-Vin	
18	Nor Marissa Alia Bt Ahmad Lokman	
19	Farina Shawati Bt Mohd Adnan	
20	Muhammad Fadhil Bin Mohd Zonis	<b>BERBASIKAL</b>
21	Mohamad Shariz Efendi Bin Mohd Shahrin	
22	Syakilla Salni Bt Jefry Krisnan	
23	Sharmendran A/L Raghonathan	<b>KARATE-DO</b>
24	Senthil Kumaran A/L Silvarajoo	
25	Phee Jinq En	
26	Chan Jie	
27	Yeap Zheng Yang	<b>AKUATIK (RENANG)</b>
28	Daniel Lim Jun Liang	
29	Caroline Chan Zi Xin	
30	Mandy Lim Jia Jia	<b>AKUATIK (RENANG BERIRAMA)</b>
31	Chew Yiwei	<b>AKUATIK (TERJUN)</b>
32	Tan Tsien Hann	<b>AKUATIK (POLO AIR)</b>
33	Derek Micheal Duraisingam	
34	Muhammad Fitri Bin Mohd Sham	
35	Sivanantha A/L Gobal Krishnan	<b>KRIKET</b>
36	Ainna Hamizah Bt Hashim	
37	Winifred Anne Duraisingam	
38	Chew Wei Yan	<b>TAEKWONDO</b>
39	Farhan Bin Adam	
40	Nor Farhana Bt Ismail	
41	Muhammad Haiqal Bin Damanhuri	<b>SEPAK TAKRAW</b>
42	Norshahruddin Bin Md Ghani	
43	Ahmad Syukri Bin Abdul Aziz	
44	Mohamad Faizal Bin Norizan	
45	Muhammad Farhan Bin Hamid	
46	Norashikin Bt Mohamad Sayed	
47	Nur Aishah Kovo Bt Mohd Yusri	
48	Nurul Izzryn Bt Shamsul Ariffin	
49	Emma Firyanah Bt Sarozi	<b>BOLING PADANG</b>

Bil	Nama	Sukan
50	Zuraini Bt Khalid	
51	Nor Hashimah Bt Ismail	
52	Mohammad Syamil Syazwan Bin Ramli	
53	Ng Shi Yeng	<b>BOLA KERANJANG</b>
54	Ooi Poh Yee	
55	An Najwa Bt Azizan	<b>BOLA JARING</b>
56	Karishma A/P S. Loganathan	
57	Puah Pei San	
58	Muhammad Faizul Bin M Nasir	<b>PENCAK SILAT</b>
59	Fatin Shafikah Bt Mohd Sukri	<b>HOKI (WANITA)</b>
60	Raja Norsharina Bt Raja Shabudin	
61	Saiful Bahri Bin Musmin	<b>PETANQUE</b>
62	Anis Amira Bt Basri	
63	Praveen Nair Mathavan	<b>EQUESTRIAN</b>
64	Muhammad Siddiq Amir Bin Jalil	<b>RAGBI</b>
65	Woon Khe Wei	<b>BADMINTON</b>
66	Soong Joo Ven	
67	Muhammad Syahir Asyraf Md Nasir	<b>SKI AIR</b>
68	Lee Hup Wei	<b>OLAHRAGA</b>
69	Raja Nursheena Bt Raja Azhar	
70	Muhammad Ziyad Bin Zolkefli	
71	Joseph Lee Joon Kit	<b>MENEMBAK</b>
72	Adam Nor Bin Azlin	<b>BOLA SEPAK</b>
73	Muhammad Syahmi Bin Safari	
74	Mohd Khairul Effendy Bin Mohd Bahrin	
75	Aiman Zul Rafiq Bin Mohd Fadzul	<b>HOKI AIS</b>
76	Khoo Seng Chee	
77	Low Jun Ming	
78	Mohammad Hariz Bin Mohammad Oryza Ananda	
79	Muhammad Syukri Bin Shaharudin	
80	Muhammad Taufiq Bin Azman	
81	Yap Eu Jin	

Bil	Nama	Sukan
82	Lee Rou You	
83	Leong Chee Feng	
84	Koh I - Jie	<b>LAWAN PEDANG</b>
85	Ellya Syahirah Bt Ellias	<b>HOKI DEWAN</b>

- b) Insentif yang telah diberikan adalah berupa wang tunai dan berikut adalah pecahan bagi setiap pemenang pingat:-

Pingat	Jumlah
Emas	RM5,000.00 seorang
Perak	RM3,000.00 seorang
Gangsa	RM2,000.00 seorang

Jumlah keseluruhan perbelanjaan insentif kepada semua pemenang pingat ini adalah sebanyak RM540,000.00.

- c) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah membuat perancangan dengan merangka model baru pembangunan sukan bermula 2016-2020 iaitu untuk tempoh lima (5) tahun. Buat masa ini, model baru ini adalah yang bersesuaian dengan keadaan dan status terkini dalam bidang sukan yang dilihat semakin kompetitif.

Pendekatan baru dalam model berteraskan kepada konsep *2i* iaitu *integrate* dan *incorporate*. Konsep ini adalah lebih memfokuskan pembangunan sukan untuk semua peringkat bermula dari akar umbi dan juga ianya melibatkan agensi-agensi yang menjalankan program pembangunan sukan secara langsung mahupun tidak langsung di Selangor ini. Ia melibatkan pengaktifan Majlis Sukan Daerah yang akan menjadi nadi pelaksanaan program-program pembangunan sukan di seluruh negeri Selangor.

Dengan pelancaran model baru ini, adalah diharapkan supaya lebih ramai lagi atlet Selangor yang cemerlang bukan sahaja di peringkat kebangsaan, malah cemerlang di peringkat antarabangsa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

